

PROGRAM LATIHAN ANGGOTA SAINS KESIHATAN BERSEKUTU

DIPLOMA JURUTEKNOLOGI PERGIGIAN

Kod Skim Latihan (4306)

Di bidang ilmu pergigian yang berfokus kepada rehabilitasi pergigian serta estetik dan peralatan serta meliputi kelengkapan rawatan pergigian.

DESKRIPSI TUGAS

Juruteknologi Pergigian bertanggungjawab :

- Merangka, memproses dan menghasilkan aplains prostetik, ortodontik, restorative dan maksilofasial.
- Menyelenggara dan memperbaiki alat kelengkapan rawatan pergigian.

KURIKULUM LATIHAN JURUTEKNOLOGI PERGIGIAN

Kursus Teknologi Pergigian merangkumi empat unsur iaitu pengetahuan, kemahiran, sikap dan kesekitaran. Ke empat-empat komponen ini berhubungkait secara dinamis untuk melahirkan seorang Juruteknologi Pergigian yang berpengetahuan, cekap dan berhemah tinggi.

Tempoh latihan : 3 tahun (6 semester) meliputi subjek berikut :

- Sains Asas
- Sains Pergigian
- Sains Kesihatan
- Sains Tingkahlaku
- Teknologi Pergigian
- Teknologi Kelengkapan Pergigian
- Pendidikan Pergigian



A. SYARAT-SYARAT ASAS PERMOHONAN

Pemohon hendaklah terdiri daripada

- Warganegara Malaysia
- Lelaki / Perempuan (belum berkahwin)
- Umur antara 17-25 tahun pada tarikh permohonan
- Kelayakan :
 - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
 - Lulus Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

B. KEUTAMAAN PEMILIHAN

Kursus Diploma Juruteknologi Pergigian, Kod Skim Latihan (4306).

- Lulus dengan 2 kredit di dalam mata pelajaran Sains dan Matematik serta Lulus dalam 2 mata pelajaran lain. (Calon yang lulus dalam Bahasa Inggeris akan diberi keutamaan).
- Mempunyai kesihatan fizikal dan mental yang baik serta tidak mengalami kecacatan yang boleh menyebabkan calon-calon tidak sesuai menjalankan tugas selepas tamat latihan.

